



KENYATAAN MEDIA

TEKUN NASIONAL LANTIK AHLI JAWATANKUASA SYARIAH

PUTRAJAYA, 4 FEBRUARI 2021 – TEKUN Nasional telah melantik 4 orang Ahli Jawatankuasa Syariah bagi tempoh 15 Februari 2021 hingga 14 Februari 2023. Surat lantikan berkenaan telah diserahkan oleh YB Dato Sri Dr. Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi kepada ahli jawatankuasa yang dilantik di Putrajaya.

TEKUN telah menawarkan pembiayaan patuh syariah dengan menggunakan konsep Qardul Hasan sejak tahun 2006. Pada tahun 2016, TEKUN telah memperkenalkan konsep patuh syariah yang baru iaitu Tawarruq. Sebagai permulaan, konsep Tawarruq ini diguna pakai dalam Skim Pembiayaan TEKUN Niaga.

TEKUN Nasional telah mendapat pengiktirafan patuh Syariah daripada juru perunding pembiayaan patuh Syariah iaitu Syariah Centre of Excellence Bank Islam Malaysia Berhad pada tahun 2017. Sehingga kini semua produk pembiayaan TEKUN yang ditawarkan kepada para usahawan adalah patuh Syariah sepenuhnya.

YB Dato Sri Dr. Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi berkata, “Pelantikan ahli jawatankuasa syariah ini bagi memantapkan lagi tadbir urus Syariah TEKUN Nasional. Ahli-ahli baharu yang dilantik ini terdiri daripada kalangan tokoh yang berintegriti, komited dan dihormati di pelbagai peringkat serta mempunyai kepakaran dan berpengalaman luas dalam undang-undang syariah dan kewangan Islam”.

“Saya percaya, mereka ini berupaya untuk memperkasakan kewibawaan Jawatankuasa Syariah TEKUN Nasional dan seterusnya akan memberi lebih keyakinan kepada usahawan yang komited untuk melaksanakan perniagaan sejajar dengan prinsip-prinsip Syariah. Selain itu, penawaran produk pembiayaan yang patuh syariah ini turut menguntungkan usahawan kerana ia lebih telus dengan tiadanya caj-caj tersembunyi’, tambah beliau lagi.

Barisan Jawatankuasa Syariah TEKUN Nasional yang baru ini terdiri daripada Tn Haji Mohd Nazri Bin Chik, Pengurus Besar Hubungan Strategik, Bank Islam Malaysia Berhad merangkap Ketua Pegawai Syariah Kumpulan, BIMB Holdings Berhad yang telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Syariah TEKUN Nasional. Manakala ahli-ahli yang lain adalah Prof. Madya Dr. Azman Bin Mohd Noor di IIUM Institute of Islamic Banking & Finance (IiIBF), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM); Dr. Kamaruzaman Bin Noordin, Professor Madya di Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM) dan Tn Hj Syed Abdullah Bin Syed Nordin, Pegawai Tadbir Agama, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).

Jawatankuasa Syariah ini akan berfungsi sebagai penasihat dan pakar rujuk dalam hal ehwal pematuhan dan tadbir urus syariah di TEKUN Nasional.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

4 FEBRUARI 2021